

0481

U B547 BAH
MAHATHIR RRR

PULAU PINANG, 23 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI HARI INI MENGGESA PARAPEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) AGAR MENGGESER KEPENTINGAN POLITIK PARTI YANG SEMPIT DAN SEBALIKNYA MEMPERJUANGKAN UNSUR-UNSUR KEBAIKAN DALAM PARTI YANG SECOCOK DENGAN KEPENTINGAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PARTI KOMPONEN BN MESTILAH MENUMPUKAN TINDAKAN DAN KEGIATAN UNTUK HENINGKATKAN KESTABILAN POLITIK DAN PERPADUAN MASYARAKAT DEMI MASA DEPAN NEGARA.

PERJUANGAN BN ADALAH BERDASARKAN TOLERANSI, KEJUJURAN, TANGGUNGJAWAB DAN KEIHLASAN, KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA BN MEMBUAT SESUATU BUKAN UNTUK KEPENTINGAN SESUATU PARTI ATAU SESUATU KAUM TETAPI DEMI KEPENTINGAN MASYARAKAT MALAYSIA.

+BN MENGHADAPI SETIAP MASALAH ATAU CABARAN SECARA RASIONAL, BERTOLAK ANSUR DAN DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB DEMI KEPENTINGAN PERPADUAN RAKYAT, + KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN PARTI GERAKAN DI SINI.

BELIAU BERKATA, DEMI KEPENTINGAN NEGARA DAN MASYARAKAT, BN SENTIASA MENYERU PARTI LAWAN SUPAYA MENGELAKKAN DARIPADA MENJADIKAN SEMUA ISU YANG DIHADAPI SEBAGAI ISU POLITIK. -- LAGI
1201MST 23 09 89

0483

UB548 BAH
MAHATHIR 2 PULAU PINANG RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN SEMUA PIHAK AGAR TIDAK DIJADIKAN SEBAGAI ISU POLITIK PERKARA-PERKARA YANG SEMEMANGNYA BUKAN BERUNSURKAN POLITIK.

+KITA TIDAK BOLEH MEMBIARKAN PERBEZAAN PENDAPAT DAN PANDANGAN DIEKSPLOITASI SEHINGGA MENJADI PUNCA PERTELINGKAHAN YANG BOLEH MENGANCAM KESTABILAN POLITIK NEGARA.

+WALAUPUN KADANGKALA ADA PERBEZAAN PENDAPAT MENGENAI PERKARA-PERKARA TERTENTU TETAPI PADA UMUMNYA BN TETAP BERSATU DAN SEBARANG PERBEZAAN DAPAT DIATASI DEMI KEBAIKAN BN DAN NEGARA, + TEGASNYA.

BELIAU BERKATA, SIKAP KESEDERHANAAN ANGGOTA-ANGGOTA BN YANG SANGGUP MENOLAK DAN MELAWAN SIKAP PERAKUMAN YANG KETERLALUAN JUGA TELAH MEMBERIKAN KEJAYAAN KEPADA KERAJAAN UNTUK MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWABNYA BAGI MENYEDIAKAN PEMBANGUNAN EKONOMI, SOSIAL DAN KEBAJIKAN RAKYAT.

+JIKAKITA TUNDUK KEPADA PENDEKATAN YANG MUDAH DAN BERMAINMATA DENGAN EKSTRIMIS, MAKA NEGARA AKAN MENGALAMI HURU-HARA DAN RAKYAT AKAN MENDERITA, + BELIAU MEMBERI AMARAN. -- LAGI
1203MST 23 09 89

0484

U B549 BAH
MAHATHIR 3 PULAU PINANG RRR

PERDANA MENTERI BERKATA, KESTABILAN DAN PERPADUAN AMAT PENTING KERANA TANPA KEDUA-DUANYA, NEGARA TIDAK AKAN DAPAT MENCAPAI KEMAJUAN DAN RAKYAT TIDAK AKAN DAPAT HIDUP DALAM KEADAAN AMAN DAN TENTERAM.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA BN AKAN SENTIASA BERUSAHA AGAR NEGARA TERPELIHARA DARIPADA SEBARANG ANCAMAN SUPAYA RAKYAT DAPAT HIDUP BEBAS DARIPADA KETAKUTAN DAN PENINDASAN.

+BN BERSATU BUKAN SAHAJA SEMASA PILIHANRAYA ATAU PILIHANRAYA KECIL ATAU SEMASA MENGHADAPI CABARAN, TETAPI BN SENTIASA BERSATU DAN BERSEPAKAT DALAM SEGALA KEGIATAN DAN TINDAKANNYA, + KATA BELIAU. -- BERNAMA

1205MST 23 09 89